



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**SELASA / 8 JANUARI 2019**

- 1. KERAJAAN PERKENAL INISIATIF BAHARU BANTU PETANI, NELAYAN.**
  - **BERITA HARIAN**
  
- 2. TEBAL MUKA JUAL AYAM MAHAL**
  - **HARIAN METRO**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 8 JANUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

---

BH 8.1.19. Ms.5

## TADBIRAN

### Kerajaan perkenal inisiatif baharu bantu petani, nelayan

**Marang:** Perdana Menteri menegaskan bantuan dan wang percuma bukan penyelesaian dalam membantu menangani masalah kemiskinan dalam kalangan nelayan dan petani.

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, golongan itu perlu berusaha dan mengambil pendekatan yang berbeza daripada cara tradisi, supaya mampu bersaing serta menjana pendapatan lumayan.

"Mereka menggunakan cara sama yang lama, sudah beratus tahun. Sepatutnya, mereka perlu menggunakan cara baharu, menerima teknologi baharu dan mempelbagaikan kegiatan pertanian bagi menambah pendapatan.

"Jangan hanya bergantung kepada insentif, subsidi dan pemberian kerajaan saja. Jika tidak memukar cara, ini akan menyebarkan golongan petani dan nelayan terus miskin selama-lamanya," katanya.

**Sistem lebih efisien**

Beliau berkata demikian ketika berucap di hadapan kira-kira 500 orang terdiri daripada petani dan nelayan pada majlis ramah mesra Perdana Menteri dengan golongan itu di Dewan Utama Majlis Daerah Marang, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, kerajaan juga bercadang memperkenalkan sistem pengurusan pertanian lebih efisien untuk membantu petani dan peladang kecil keluar daripada kepompong kemiskinan.

Beliau berkata, ia membabitkan langkah penggabungan ladang atau pertanian kecil yang berdekatan terutama dimiliki mereka daripada kategori B40 (berpendapatan rendah), sehingga menjadi estet.

Beliau berkata, estet berkenaan kemudian akan diurus tadbir mereka yang mempunyai kepakaran menguruskan ladang berskala besar yang dilantik kerajaan.

Dr Mahathir turut berkata, sesebuah negara perlu mampu membekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus keperluan bekalan makanan daripada pucuk dalam negara.

Beliau mengambil contoh China, yang tidak perlu mengimport bekalan makanan walaupun mempunyai kepadatan penduduk seramai 1.4 bilion, berbanding negara ini yang terpaksa bergantung kepada negara luar dengan populasi hanya 32 juta.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, baki royalti minyak untuk Terengganu hanya akan disalurkan apabila kerajaan mempunyai sumber kewangan secukupnya.

Sepatutnya, mereka perlu menggunakan cara baharu, menerima teknologi baharu dan mempelbagaikan kegiatan pertanian bagi menambah pendapatan"

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Perdana Menteri

**KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO**

**TARIKH : 8 JANUARI 2019**

**PERKARA : PERTANIAN**

## Tebal muka jual ayam mahal

**Bukit Mertajam:** "Untung kami sama saja, bukan suka-suka naikkan harga," kata peniaga ayam proses, Abdul Talib Mansor, 58.

Dia mendakwa terpaksa menebalkan muka apabila 'diasak' orang ramai selepas menjual ayam dengan harga RM9 sekilogram di Pasar Awam Seberang Jaya, di sini.

Katanya, keuntungan tidak bertambah disebabkan kenaikan itu, namun ia terpaksa dilakukan berikutan harga ayam yang diperoleh daripada pembekal juga mahal.

"Margin keuntungan kami sama saja, harga di pasaran terpaksa dinaikkan kerana pembekal juga menaikkan harga ayam proses.

"Sebelum ini, kami hanya menjual ayam dengan harga RM8.50 sekilogram namun sejak semalam (kelmarin), harga meningkat sebanyak 50 sen menyebabkan kami



**ABDUL Talib menunjukkan ayam yang tidak habis dijual di Pasar Awam Seberang Jaya ekoran harga ayam yang naik 50 sen sekilogram sejak semalam.**

terpaksa menaikkan harga," katanya yang sudah 28 tahun berniaga ayam di sini.

Abdul Talib berkata, dia sememangnya tidak mahu menaikkan harga kerana mengetahui orang ramai akan marah.

"Namun, orang ramai tidak tahu bagaimana kami

bergelut dengan pihak pembekal yang sewenang-wenangnya menaikkan harga ayam mengikut musim," katanya.

Tinjauan di pasar itu semalam mendapati, beberapa barang basah lain turut mengalami kenaikan harga antara 30 sen hingga 50 sen

sejak penurunan harga petrol, baru-baru ini.

Abdul Talib berkata, orang ramai dan pihak berkuasa hanya tahu menuduh peniaga di pasar terutama peruncit sengaja menaikkan harga, namun perlu memeriksa pengeluar dan pembekal ayam.

HM 8/1/19

